



Pelarian Iraq dari bahagian barat Mosul di kejiranan Rifai meninggalkan tempat tinggal mereka ketika kemaraan tentera ke kawasan pertempuran dengan Daesh, kelmarin.

# Tentera Iraq kuasai 90 peratus Mosul

BERITA HARIAN 17/5/17 M/S 38

➔ Daesh masih bertahan di tebing kanan zon konflik

## Baghdad

**P**asukan keselamatan Iraq berjaya menguasai hampir 90 peratus kawasan barat Mosul daripada cengkaman militan Daesh selepas berjaya menawan semula bahagian timur bandar itu, awal tahun ini.

Jurucajak tentera, Brigadier Jeneral Yahya Rasool berkata, militan itu bagaimanapun masih menguasai 10.6 peratus kawasan di bahagian barat, khususnya di tebing kanan.

Pasukan keselamatan Iraq melancarkan operasi besar-besaran bagi mengambil alih semula Mosul dari penguasaan Daesh sejak tujuh bulan lalu dan berjaya mena-

wan semula timur Mosul.

Selepas terbabit dalam banyak pertempuran, kumpulan militan berkenaan kini hanya mampu menguasai kawasan kejiranan di Bandar Lama iaitu salah satu wari-san paling berharga Iraq.

## Pertempuran atas darat

Kawasan kejiranan itu dipenuhi laluan sempit dan bangunan yang dibina dengan rapat, sekali gus menyukarkan pergerakan anggota pasukan keselamatan memerangi kumpulan militan berkenaan.

Ia memaksa pertempuran dilakukan di atas darat berbanding dari dalam kenderaan tentera seperti yang dilakukan sebelum ini.

## Info

### Krisis Mosul

- ➔ Hampir 250,000 orang awam dilaporkan masih terperangkap di barat Mosul.
- ➔ Ia menyukarkan fasa akhir serangan dilancarkan oleh pasukan keselamatan.

Hampir 250,000 orang awam dilaporkan masih terperangkap di barat Mosul dan ia menyukarkan fasa akhir serangan dilancarkan oleh pasukan keselamatan.

Beberapa maklumat diterima menyatakan ada di kalangan orang awam itu dihalang daripada meninggalkan kawasan terbabit manakala sebahagian lagi memilih untuk terus menetap di sana.

Daesh berjaya menguasai sebahagian besar Iraq khususnya di bahagian Utara dan Barat sejak tahun 2014 tetapi serangan udara yang dilancarkan pasukan keselamatan dengan bantuan Amerika Syarikat (AS) berjaya merampas sebahagian besar kawasan terba-bit.

AFP